

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan:**

- (a) Sejak November 2015 hingga Februari 2016, adakah Kerajaan ada memberikan sebarang subsidi tepung gandum dan minyak masak; dan
- (b) Jika ada berapa jumlah subsidi tersebut, dan jika tiada, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan masih melaksanakan pemberian subsidi tepung gandum dan minyak masak kepada pengguna. Pembayaran subsidi tepung gandum bagi bulan November 2015 hingga Februari 2016 adalah berjumlah RM45,361,133.40. Manakala peruntukan subsidi minyak masak yang dibayar bermula November 2015 hingga Februari 2016 adalah berjumlah RM178,373,196.00.